

12/11/1999

Ketua Wanita Keadilan keluar parti

KUALA LUMPUR, Khamis - Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mengalami satu tamparan hebat menjelang pilihan raya umum apabila Ketua Wanitanya, Nell Onn, mengumumkan keluar daripada parti itu.

Dalam satu kenyataan ringkas, adik bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn itu, berkata keputusannya itu berkuat kuasa 4 November lalu.

Beliau bagaimanapun tidak memberikan sebab-sebab tindakan itu.

"Saya, Nell binti Datuk Onn, telah meletakkan jawatan sebagai ketua wanita dan anggota berkuat kuasa 4 November 1999," katanya dalam kenyataan dua perenggan, petang ini.

Nell berkata, keputusannya itu telah disampaikan kepada Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail `yang telah mengakui menerima surat peletakan jawatannya.'

Nell dinamakan sebagai Ketua Wanita Keadilan pada pelancaran penubuhan parti itu pada 4 April lalu.

Sementara itu di KOTA BHARU, bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, meminta rakyat jangan mudah terpengaruh dengan perjuangan Keadilan kerana ia bukan ditubuhkan atas semangat keadilan.

Beliau berkata, Keadilan ialah sebuah parti yang dibaik pulih dan diubah suai daripada parti Ikatan, yang berpusat di Terengganu.

"Keadilan bukan parti baru yang ditubuhkan atas semangat keadilan sebagaimana diperjuangkan, sebaliknya sebuah parti yang dibaik pulih atau diambil alih secara terbalik.

"Parti itu hanya memperjuangkan kepentingan individu dan bukannya kepentingan rakyat. Apa yang diperjuangkan Keadilan tidak akan tercapai kerana ia tiada pemimpin yang mampu memperjuangkan nasib rakyat," katanya kepada pemberita selepas menemui pemimpin Umno bahagian Peringat di sini.

Zahid berkata, kebanyakan pemimpin dalam Keadilan adalah mereka yang pernah berada di bawah kepemimpinannya dalam Pemuda Umno.

"Pemimpin Keadilan tidak akan berjaya merealisasikan hasrat perjuangan parti kerana mereka berasakan bentuk perkhidmatan mereka hanyalah sementara," katanya.

Zahid juga berkata, beliau sanggup mencium tangan dan memohon maaf kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas segala kesilapan dan permasalahan yang berlaku dalam parti itu.

Beliau berkata, walaupun ada pihak menyelarnya sebagai seorang yang tidak mengenang sahabat (Datuk Seri Anwar Ibrahim), demi Umno, beliau reda dengan tanggapan itu.

(END)